

NOTICE TO CUSTOMER RELATING TO THE PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010

1. It is Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad's obligation to comply with the data protection principles and requirements of the Personal Data Protection Act 2010 ("**PDPA**"). This Notice provides an outline on the manner the Bank intends to use, manage and protect your Data.
2. **Data Collected** : From time to time, and in relation to the provision of services at your request, it is necessary for us to collect, obtain and process personal details and information (including, but not limited to, all details and information pertaining to your account including the details of your Authorised Persons held with us and any of your transactions and dealings with or through the Bank) (as defined in the PDPA and referred to as "**Data**" in this Notice) of your authorised persons such as directors, officers, office bearers, security providers, secretaries, signatories or any other persons authorised by you ("**Authorised Persons**").

The Data collected will be held or processed by us, including our affiliates, agents, contractors, service providers and professional advisers.

3. **Purposes for Collection of Data:** The Data collected and further processed depends on the nature of your relationship with us and/or our affiliates. The Data may be used for the following purpose:-
 - (a) To establish a relationship between you and us and/or our affiliates;
 - (b) For our daily operation of banking services and products provided to you;
 - (c) For our processing, administering, facilitating or performing applications for banking services and products;
 - (d) For evaluation and due diligence purposes;
 - (e) To evaluate and monitor provision of services;
 - (f) To respond to your enquiries;
 - (g) To conducting credit checks at the time of credit application and at the time of regular or special reviews which normally will take place either once or more times on a yearly basis;
 - (h) For creating and maintaining our credit scoring models;
 - (i) To evaluate and monitor credit worthiness;
 - (j) For debt collection purposes;
 - (k) In meeting legal and regulatory requirements;
 - (l) To market services or products which may be of your interest;
 - (m) For research and development of products and services for your use;
 - (n) For risk management;
 - (o) For enforcement of our rights and obligations of other parties to us and/or our affiliates;
 - (p) For enabling any party to evaluate any actual or proposed assignment, participation, sub-participation, and/or novation of any of our rights and/or obligations;
 - (q) For such other purposes as permitted by applicable law or with your consent; and
 - (r) All other incidental and associated purposes relating to any of the above.

4. **Right to Refuse:** In accordance with and subject to the PDPA, you may refuse to consent to the Data being processed. We respect and recognise your right. You are requested to communicate such refusal to us in writing as set out in Section 9 below.

Without limitation to any provision of the PDPA, however, we (including our affiliates, agents, contractors, service providers and professional advisers) may require to process the Data for or in connection with the purposes set out in Section 3 above. Failure to obtain such Data may result in us not being able to provide and/or continue to provide any or all such products and services to you.

5. **Disclosure of Data:** The Data will be kept confidential but it may be provided to the following parties for purposes set out above:-

- (a) any financial institutions which you may have or propose to have dealings;
- (b) any actual or proposed participant or sub-participant in, or assignee, novatee or transferee of any of our rights in relation to you or your Authorised Persons;
- (c) any of our affiliates, agents, contractors or service providers or professional advisers who are under a duty of confidentiality to us and who provide services or facilities to us, whether in Malaysia or outside Malaysia, in connection with our business or operations (including and not limited to provision of our servers and storage provider), whether in Malaysia or otherwise, for the purpose of processing applications, transactions and storing statements of account, advices, transaction records and other documents, data or records on which you or your Authorised Persons' name or other particulars appear;
- (d) any other person under a duty of confidentiality to us in connection with any purposes set out in Section 3;
- (e) any other parties authorised by you;
- (f) credit reference agencies and debt collection agencies in connection with any purposes set out in Section 3;
- (g) our holding company, head office, branches, representative offices, subsidiaries, affiliates or related corporations in connection with any of the purposes set out in Section 3;
- (h) any authorities that are required or authorised by the Law including to meet obligations to regulatory authorities or any Order of the Court;
- (i) any person to whom we are required, directed or compelled to make a disclosure pursuant to Section 3(k) above;
- (j) any party giving or proposing to give a guarantee or third party security to guarantee or secure your obligations;
- (k) the drawee bank providing a copy of a paid cheque (which may contain information about the payee to the drawer); and
- (l) information disclosed pursuant to the above may be subject to further disclosure by the recipient of such information to other parties in accordance with the laws of the country in which the recipient is located or the laws of such country(ies) to which such recipient is subject.

Affiliates or our affiliates, means any legal corporation under the Sumitomo Mitsui Financial Group, whether controlled directly or indirectly.

Data held by us may be stored or transferred to locations and systems within or outside Malaysia with appropriate security controls.

6. **Consent to Disclosure:** Other than disclosures which we (including our affiliates, agents, contractors, service providers and professional advisers) are liable to make pursuant to any law, regulation or directive from any governmental or regulatory body to which we are subject to, you may refuse the disclosure to any parties set out above. In such an event, such request in writing is to be addressed to us as contained in Section 9 below at the time of applying for a particular services or opening an account with us whichever earlier.

Without limitation to any provision of the PDPA, however, if you or the Authorised Persons refuse the disclosure of Data to us (including our affiliates, agents, contractors, service providers and professional advisers) in connection with services, this may result in us not able to provide and/or continue to provide any or all such products and services.

7. **Your Rights of Access:** In accordance with the provisions of the PDPA, you are entitled to the following:-
- (a) to check your Data and have access to a copy of such Data; or
 - (b) to require us to correct any of your Data which is inaccurate.

To assist us in your request above, we may seek more information from you and you must provide us with specific information that you require.

If there are request of your Data, are by any other persons, we may need to check the identity of this person making such request, to ensure that they are allowed to have and obtain your information.

We may charge you a fee for providing access to your Data based on your request. You will generally receive a response from us within 21 days.

8. **Security:** The security of Data is our priority. We (including our affiliates, agents, contractors, service providers and professional advisers) will take practicable steps to protect Data with appropriate security controls.
9. All enquiries or complaints relating to access to Data or correction of Data, withdrawal of consent for processing and/or disclosure of Data, enquiries or complaints may be made in writing, specifying the nature of the enquiries or complaints and directed to us at the following address:-

Enquiries

Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad
(Company No. 926374-U)
Suite 22-03, Level 22
Integra Tower, The Intermark
348, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

Tel No: 03 – 2176 1500
Fax No: 03 – 2165 1599
Email: GeneralEnquiries@my.smbc.co.jp

Complaints

Complaints Unit

Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad

(Company No. 926374-U)

Suite 22-03, Level 22

Integra Tower, The Intermark

348, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

Tel No: 03 – 2176 1500

Fax No: 03 – 2165 1599

Email: ComplaintsUnit@my.smbc.co.jp

10. This Notice is not exhaustive and we reserve the right to from time to time and at any time to amend and/or vary this Notice. Any changes to this Notice will be informed to you or your Authorised Persons through our website or at our banking hall or further notices to you.

NOTIS KEPADA PELANGGAN BERKENAAN DENGAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

1. Adalah menjadi tanggungjawab Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad (“**Bank**”) untuk mematuhi prinsip-prinsip perlindungan data dan keperluan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“**Akta**”). Notis ini memaklumkan bagaimana Bank akan menggunakan, mengurus dan melindungi Data anda.
2. **Data yang dikumpul:** Bank perlu mengumpul dan memproses maklumat peribadi anda, dari masa ke semasa berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan atas permintaan anda, serta (termasuk, namun tidak terhad kepada, semua butiran dan maklumat berkenaan dengan akaun anda termasuk butiran Orang yang Diberi Kuasa oleh anda yang kami peroleh dari sebarang transaksi atau urusan anda dengan/ ataupun melalui Bank) (sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta dan dirujuk sebagai “**Data**” di dalam Notis ini) berkenaan Orang yang Diberi Kuasa seperti pengarah, pegawai, pemegang jawatan, pemberi cagaran, setiausaha-setiausaha, penandatangani-penandatangani atau sesiapa sahaja yang lain yang diberi kuasa oleh anda (“**Orang yang Diberi Kuasa**”).

Data yang dikumpulkan akan disimpan atau diproses oleh pihak kami, termasuk syarikat bersekutu, ejen, kontraktor, pemberi perkhidmatan dan penasihat profesional kami.

3. **Tujuan Pengumpulan Data:** Data yang dikumpulkan akan diproses bergantung kepada jenis urusan anda dengan pihak kami dan/atau syarikat bersekutu kami. Data ini mungkin digunakan bagi tujuan berikut:-
 - (a) Untuk menjalinkan hubungan di antara anda dan kami dan/atau syarikat bersekutu kami;
 - (b) Untuk tujuan operasi harian dalam perkhidmatan dan produk perbankan yang kami berikan kepada anda;
 - (c) Untuk memproses, mentadbir memudahkan atau melaksanakan aplikasi untuk perkhidmatan dan produk perbankan kami;
 - (d) Untuk tujuan penilaian dan usaha wajar (“**Due Diligence**”);
 - (e) Untuk menilai dan memantau pemberian perkhidmatan;
 - (f) Untuk membalas pertanyaan anda;
 - (g) Untuk melaksanakan semakan kredit semasa permohonan kredit dan semasa semakan biasa atau khas yang akan diadakan secara lazimnya sama ada sekali atau lebih pada setiap tahun;
 - (h) Untuk mewujudkan dan menyelenggara model pemarkahan kredit kami;
 - (i) Untuk menilai dan memantau kebolehpercayaan kredit;
 - (j) Untuk tujuan kutipan hutang;
 - (k) Dalam mematuhi tujuan yang dikehendaki di bawah sisi undang-undang dan peraturan;
 - (l) Untuk memasarkan perkhidmatan atau produk yang mungkin menarik minat anda;
 - (m) Untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan perkhidmatan dan produk untuk kegunaan anda;
 - (n) Untuk pengurusan risiko;
 - (o) Untuk tujuan penguatkuasaan hak-hak kami dan obligasi-obligasi pihak lain terhadap kami dan/atau syarikat bersekutu kami;

- (p) Bagi membolehkan mana-mana pihak untuk menilai sebarang penyerahan hak, penyertaan, sub-penyertaan dan/atau novasi yang dicadangkan atau sebenar ke atas hak-hak atau obligasi-obligasi kami;
- (q) Bagi tujuan lain yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan atau dengan kebenaran anda; dan
- (r) kesemua tujuan lain yang bersampingan dan berkaitan dengan sebarang tujuan yang dinyatakan di atas.

4. **Hak untuk Menolak:** Menurut dan tertakluk kepada Akta, anda diberikan hak untuk menolak Data daripada diproses. Kami menghormati dan mengiktiraf hak anda. Anda diminta mengemukakan penolakan anda kepada kami secara bertulis seperti yang dinyatakan di perenggan 9.

Walau bagaimanapun dengan tanpa menghadkan sebarang peruntukan Akta, kami (termasuk syarikat bersekutu, ejen, kontraktor, pemberi perkhidmatan dan penasihat profesional kami) boleh meminta untuk memproses Data bagi tujuan yang berkaitan seperti dinyatakan di perenggan 3. Kegagalan memperolehi Data tersebut mungkin menyebabkan kami tidak dapat memberikan dan/atau meneruskan sebarang atau kesemua perkhidmatan atau produk kami kepada anda.

5. **Penzahiran Data:** Data akan disimpan sebagai 'sulit' tetapi ia mungkin diberikan kepada pihak-pihak berikut bagi tujuan yang dinyatakan di atas:-

- (a) Mana-mana institusi kewangan yang anda mungkin berurusan atau bercadang untuk berurusan;
- (b) Mana-mana peserta atau sub-peserta, penerima hak, penerima novasi atau penerima pindahmilik sama ada yang dicadangkan atau yang sebenar ke atas sebarang hak-hak kami yang berkaitan dengan anda atau Orang yang Diberi Kuasa oleh anda;
- (c) Mana-mana syarikat bersekutu, ejen, kontraktor, pemberi perkhidmatan atau penasihat profesional kami yang mempunyai tanggungjawab menjaga maklumat sulit untuk kami dan yang memberikan perkhidmatan atau kemudahan kepada kami, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, berkaitan dengan perniagaan atau operasi kami (termasuk dan tidak terhad kepada pembekal "server" dan penyimpanan data), sama ada di Malaysia atau sebaliknya, bagi tujuan pemprosesan permohonan, transaksi dan penyimpanan penyata-penyata akaun, notis transaksi, rekod transaksi dan dokumen-dokumen lain, data atau rekod di mana nama atau butiran anda atau Orang yang Diberi Kuasa oleh anda dinyatakan;
- (d) Sesiapa yang lain yang mempunyai tanggungjawab menjaga maklumat sulit untuk kami berkaitan dengan sebarang tujuan yang dinyatakan di perenggan 3;
- (e) Mana-mana pihak yang dibenarkan oleh anda;
- (f) Agensi-agensi rujukan kredit dan pengutipan hutang yang berkaitan dengan sebarang tujuan yang dinyatakan di perenggan 3;
- (g) Syarikat induk, ibu pejabat, cawangan-cawangan, pejabat perwakilan, anak syarikat, syarikat bersekutu atau perbadanan berkaitan kami yang berkenaan dengan sebarang tujuan yang dinyatakan di perenggan 3;

- (h) Mana-mana pihak berkuasa yang dikehendaki atau diberi kuasa di bawah Undang-undang termasuk untuk mematuhi tanggungjawab-tanggungjawab terhadap pihak berkuasa, pengawal selia atau mana-mana Perintah oleh Mahkamah;
- (i) Sesiapa sahaja yang menghendak, mengarah atau memerlu kami untuk melakukan penzahiran mengikut perenggan 3(k) di atas;
- (j) Mana-mana pihak yang memberi atau bercadang untuk memberi jaminan atau cagaran pihak ketiga bagi menjamin atau memberi cagaran bagi obligasi-obligasi anda;
- (k) Bank pembayar yang memberi satu salinan cek yang dibayar (yang mungkin mengandungi maklumat tentang penerima cek kepada pemberi cek); dan
- (l) Maklumat yang dizahirkan menurut terma di atas mungkin tertakluk kepada penzahiran tambahan oleh penerima maklumat kepada pihak lain mengikut undang-undang negara di mana penerima maklumat itu berada atau undang-undang negara di mana penerima maklumat itu tertakluk.

“Syarikat bersekutu” atau “syarikat bersekutu kami” bermaksud mana-mana perbadanan yang sah di bawah Sumitomo Mitsui Financial Group, sama ada dikawal secara langsung atau tidak langsung.

Data yang kami pegang mungkin disimpan atau dipindahkan ke lokasi-lokasi dan sistem-sistem di dalam atau di luar Malaysia dengan kawalan keselamatan yang sewajarnya.

6. **Persetujuan Penzahiran:** Selain daripada penzahiran yang kami (termasuk syarikat bersekutu, ejen, kontraktor, pemberi perkhidmatan atau penasihat profesional kami) dipertanggungjawabkan menurut mana-mana undang-undang, peraturan atau arahan daripada mana-mana badan kerajaan atau pengawalselia yang kami tertakluk, anda boleh menolak penzahiran kepada mana-mana pihak yang dinyatakan di atas. Permohonan bertulis hendaklah dihantarkan kepada kami di alamat yang dinyatakan di perenggan 9 pada masa anda memohon perkhidmatan atau membuka akaun dengan kami, mana yang terdahulu.

Walau bagaimanapun dengan tanpa menghadkan sebarang peruntukan Akta, jika anda atau Orang Diberi Kuasa oleh anda menolak penzahiran Data kepada Kami (termasuk syarikat bersekutu, ejen, kontraktor, pemberi perkhidmatan dan penasihat profesional kami) berhubung dengan perkhidmatan kami, ini mungkin menyebabkan kami tidak dapat memberikan dan/atau meneruskan sebarang atau kesemua perkhidmatan atau produk kami kepada anda.

7. **Hak Anda untuk Mendapatkan Akses:** Menurut peruntukan-peruntukan Akta, anda berhak untuk:-

- (a) memeriksa Data anda dan mendapatkan akses kepada salinan Data tersebut; atau
- (b) meminta kami untuk membetulkan sebarang Data anda yang tidak tepat.

Untuk membantu kami dalam memenuhi permintaan anda di atas, kami mungkin meminta maklumat tambahan daripada anda dan anda mestilah memberikan kami maklumat khusus yang anda minta.

Jika terdapat permintaan Data anda oleh sesiapa yang lain, kami mungkin perlu mengesahkan identiti sesiapa yang membuat permintaan tersebut demi memastikan bahawa mereka dibenarkan untuk mendapatkan dan memperolehi maklumat anda.

Kami mungkin mengenakan bayaran keatas anda bagi mendapatkan akses kepada Data yang anda minta. Umumnya anda akan mendapat maklumbalas kami dalam tempoh 21 hari.

8. **Keselamatan:** Keselamatan Data adalah keutamaan kami. Kami (termasuk syarikat bersekutu, ejen, kontraktor, pemberi perkhidmatan dan penasihat profesional kami) akan mengambil langkah yang praktikal untuk melindungi Data dengan kawalan keselamatan yang sewajarnya.
9. Semua pertanyaan atau aduan berkaitan dengan akses kepada Data atau pembetulan Data, penarikan balik persetujuan untuk pemprosesan dan/atau penzahiran Data, boleh dibuat secara bertulis dengan menyatakan pertanyaan atau aduan anda dan diserahkan kepada kami di alamat berikut:-

Pertanyaan

Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad

(No. Syarikat 926374-U)

Suite 22-03, Level 22

Integra Tower, The Intermark

348, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

Tel No: 03 – 2176 1500

Faks No: 03 – 2165 1599

Emel: GeneralEnquiries@my.smbc.co.jp

Aduan

Unit Aduan

Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad

(No. Syarikat 926374-U)

Suite 22-03, Level 22

Integra Tower, The Intermark

348, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

Tel No: 03 – 2176 1500

Faks No: 03 – 2165 1599

Emel: ComplaintsUnit@my.smbc.co.jp

10. Notis ini adalah tertakluk kepada perubahan dan kami berhak dari masa ke semasa dan pada sebarang ketika meminda dan/atau mengubah Notis ini. Sebarang perubahan ke atas Notis ini akan dimaklumkan kepada anda atau Orang yang Diberi Kuasa oleh anda melalui laman web kami atau di dewan perbankan kami atau noti